

10 NOV 2001

Maghribi-Lawatan

PERDANA MENTERI MAGHRIBI LAWAT M'SIA MULAI ISNIN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Maghribi, Abderrahman Youssoufi akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai Isnin ini.

Beliau akan diiringi isterinya, Helene, serta rombongan 36 anggota terdiri menteri dan setiausaha negara serta pegawai kanan dari pelbagai agensi kerajaan serta ahli-ahli perniagaan terkemuka negara itu, demikian menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

Abderrahman dijadual menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang mengenai cara-cara mempertingkatkan lagi hubungan dua hala di samping bertukar-tukar pendapat tentang perkembangan politik dan ekonomi antarabangsa.

Beliau dan isteri turut dijadualkan menghadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin serta Permaisuri Nur Zahirah.

Satu memorandum persefahaman antara Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Moroccan Information TechnoPark Company dijangka dimeterai semasa lawatan ketua kerajaan Maghribi itu.

Pertemuan dengan Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan juga diatur bagi membolehkan ahli-ahli perniagaan dari kedua-dua negara berbincang mengenai peluang perdagangan dan pelaburan yang wujud di Malaysia dan Maghribi.

Abderrahman serta rombongan juga akan melawat Cyberjaya dan bangunan tertinggi di dunia, Menara Kembar Petronas.

Menurut Wisma Putra, memandangkan potensi pasaran yang wujud di Maghribi, peluang kini terbuka luas bagi kedua-dua negara untuk mempertingkatkan lagi hubungan perdagangan.

Sehingga Ogos tahun ini, nilai dagangan antara Malaysia dan Maghribi berjumlah RM51 juta dengan eksport berjumlah RM43.8 juta.

Malaysia mengeksport peralatan elektrik, barangan pengguna serta produk getah dan kimia ke Maghribi dan mengimport tekstil, bahan fabrik serta makanan dari negara Afrika Utara itu.

-- BERNAMA

MAM SP MAI